

Perpaduan Politik Asas Integrasi Nasional di Malaysia

Fatimi Hanafi¹Zulkanain Abdul Rahman²Arbaiyah Mohd Noor³**ABSTRAK**

Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dan sebuah negara yang dikenali sebagai sebuah masyarakat masyarakat majmuk. Didalamnya terdapat pelbagai etnik. Tiga etnik yang terbesar di Semenanjung Malaysia ialah Melayu, Cina dan India manakala lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak sama ada terdiri daripada bumiputera atau bukan bumiputera. Kepelbagaian kaum di negara ini dapat dilihat sebagai satu keistimewaan malah satu kekuatan bagi membentuk identiti budaya warga Malaysia seperti perpaduan antara kaum. Jalinan dan ikatan yang padu ini dapat menjamin kesejahteraan negara. Di dalam kertas kerja ini membincangkan mengenai faktor-faktor pengukuhan perpaduan dan faktor-faktor pemecahbelah antara kaum di Malaysia yang membawa kepada konflik antara kaum. Selain itu, kertas kerja ini juga membincangkan mengenai usaha-usaha yang perlu dijalankan oleh kerajaan ke arah perpaduan dan integrasi nasional bagi menangani konflik antara kaum.

Kata Kunci : Integrasi nasional, politik perpaduan, hubungan etnik.

ABSTRACT

Malaysia is a developing country and known as a pluralistic and multi-racial society. The three largest ethnic groups in Peninsular Malaysia are Malay, Chinese, Indian and other ethnic groups in Sabah and Sarawak whether or not made up of the indigenous natives. The diversity of people in this country can be seen as a privilege but also a force for shaping the cultural identity of Malaysians such as racial unity. Braided and cohesive bond can be a guarantee for the country prosperity. In this paper discussed the factors strengthening the unity and the factors dissension between races in Malaysia that lead to racial conflicts. In addition, this paper also discussed the efforts that need to be run by the government towards national unity and integration to address the conflict between the races.

Keywords: National integration, political unity, ethnic relations.

¹ Pensyarah di *Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra)*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, fatimi@um.edu.my.

² Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, zulkana@um.edu.my.

³ Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, arbaiyah@um.edu.my.

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara pelbagai etnik yang pesat membangun. Di semenanjung Malaysia, etnik-etnik yang terbesar ialah Melayu, Cina dan India. Di Sabah dan Sarawak etnik-etniknya lebih berbagai lagi, termasuk di antaranya ialah Kadazan, Bajau, Bidayuh, Iban, Kayan, Kenyah dan Murut. Etnik-etnik ini dikategorikan kepada etnik bumiputera dan etnik bukan-bumiputera. Negara kita telah dikatakan sebagai model kepada masyarakat majmuk yang lain dan diperakukan sendiri oleh Barack Obama, Presiden Amerika dan Hillary Clinton di Kuala Lumpur telah mengistiharkan Malaysia sebagai model negara Islam moderat yang progresif dan maju.⁴ Ini kerana rakyat negara kita yang berbilang etnik ini dapat hidup bersatu padu dan dapat menyelesaikan masalah dan mengelakkan konflik. Konflik antara kaum di Malaysia berada pada tahap yang minima berdasarkan Indeks Kemananan Global 2012, Malaysia berada di tangga ke-20 negara paling aman dunia dan ke-4 Asia. (Global Peace Index, 2012)

Perpaduan politik di Malaysia dapat dilihat bermula pada tahun 1950. Gabungan UMNO dan MCA telah membentuk pakatan pertama yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock yang dikenali sebagai Parti Perikatan. Ujian pertama mereka menyertai Pilihan Raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 dan mencapai kejayaan yang menakutkan. Pemimpin-pemimpin kaum yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India pada ketika itu menyedari bahawa etnisiti merupakan faktor penting dalam masyarakat di negara ini. MIC pula memulakan langkah menyertai gabungan tersebut. Pada tahun 1955 gabungan pakatan ini telah menempa kejayaan dalam Pilihan Raya Majlis Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa penggabungan etnik-etnik ke dalam Parti Perikatan merupakan salah satu cara untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam masyarakat majmuk. Dasar perkongsian kuasa politik ini merupakan cara yang berkesan dalam menguruskan masyarakat pelbagai kaum. Barisan Nasional (dahulunya Perikatan) berjaya memerintah negara ini ekoran daripada kerjasama yang padu dan erat di antara parti-parti komponen. Hakikat sebenar perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional ialah untuk memberi peluang kepada semua komuniti walaupun saiznya kecil dapat melibatkan diri dalam kerajaan sebagai contoh kaum minoriti seperti India melalui parti MCA dan juga Cina menerusi parti MIC. UMNO adalah merupakan parti komponen yang terbesar dan terkuat. Politik perkauman masih merupakan satu ciri penting untuk politik di Malaysia bagi memenuhi tuntutan-tuntutan dan menyuarakan isihati etnik-etnik yang tertentu melalui wakil-wakil yang tertentu sama ada parti pemerintah atau pembangkang.

Sejarah Kewujudan Etnik Di Malaysia

Pluraliti atau kepelbagaian masyarakat di rantau ini berlaku pada asasnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi ekoran daripada penghijrahan daripada komuniti pedagang yang berdagang di samping penyebaran agama yang telah membawa kepada pluraliti baharu dalam masyarakat tempatan. Namun begitu sebelum abad ke-18 berlaku migrasi namun jumlahnya agak terhad. Sebagai contoh penghijrahan dari Sumatera ke dan Indonesia serta tidak menjejaskan corak masyarakat ketika itu kerana kaum pendatang tersebut datang dari rumpun bangsa yang sama. (James P. Ongkili, 1985:4). Selain itu kemunculan kerajaan Maritim dan Agraria juga menunjukkan bukti kemunculan kedatangan golongan migrasi di sekitar Tanah Melayu sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan teori

⁴ Ucapan Barack Obama semasa di Kaherah dan Tokyo. (Shamsul Amri, 2012)

kedatangan Islam ke Tanah Melayu melalui negara Cina, India dan juga Arab. (Zaid Ahmad et al., 2006). Namun Perhubungan atau kontak sosial antara golongan tersebut mewujudkan proses asimilasi antara kehidupan masyarakat pedagang asing dengan penduduk tempatan (Zaid Ahmad et al., 2006). Proses tersebut berlaku adalah disebabkan perkahwinan campur di antara mereka dengan penduduk tempatan terutama dengan etnik Melayu telah membentuk masyarakat Melayu Arab yang menggunakan gelaran Syed dan Syarifah, masyarakat Peranakan Cina (Baba dan Nyonya), Peranakan Jawi dan lain-lain yang masih wujud di Malaysia. Asimilasi merupakan satu proses percantuman dan penyatuan kelompok atau individu yang berlainan kebudayaan bagi membentuk satu kelompok baharu yang mempunyai kebudayaan yang sama. Namun begitu, menurut Furnivall, masyarakat majmuk muncul akibat daripada dasar-dasar penjajah yang menggalakkan penghijrahan penduduk mengikut keperluan ekonomi. Keadaan ini mengakibatkan wujudnya kelompok yang pelbagai ragam dalam satu unit politik. Jesteru itu kepelbagaian kaum di Malaysia lebih difokuskan berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan oleh Furnivall. Antaranya ialah mempunyai 2 atau lebih kumpulan etnik, tinggal di kawasan yang sama, tidak bercampur-gaul, berada dalam satu unit politik, pemerintah dari bangsa berlainan, pembahagian ekonomi yang jelas antara kumpulan etnik, pasar sebagai tempat berkomunikasi, cenderung kepada konflik, perlu kepada kuasa luar untuk mengawal keadaan, mempunyai budaya dan adat resam tersendiri.

Perkembangan sejarah Malaysia memperlihatkan proses pembentukan masyarakat plural yang ada pada hari ini. Namun yang paling jelas, pembentukan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia ialah ketika kedatangan etnik-etnik yang berbagai ini pada zaman penjajahan Inggeris terutama dalam usaha-usaha mereka menguasai kekayaan atau mengeksploitasi ekonomi di Tanah Melayu. Penghijrahan tenaga buruh dari India dan Cina menyebabkan berlakunya interaksi dan hubungan antara budaya merupakan fenomena yang telah berlaku berabad lamanya. Faktor ekonomi, politik, sosial dan fizikal (geografi) merupakan antara faktor-faktor penting menyumbang kepada penghijrahan mereka. Faktor penarik ialah pembukaan ladang-ladang dan lombong-lombong di Tanah Melayu.

Masyarakat India tertumpu kepada ladang-ladang atau estet-estet manakala Cina di lombong-lombong bijih timah. Kesan daripada penghijrahan ini telah menyebabkan berlaku pertembungan kebudayaan seperti proses asimilasi budaya dan amalgamasi di antara masyarakat tempatan seperti dihuraikan di atas. Kewujudan mereka telah menyebabkan negara kita Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai pelbagai kaum atau masyarakat majmuk. Menurut Shamsul (1999,2000), beliau menonjolkan identiti sebagai landasan yang kukuh dan komprehensif bagi menjelaskan hubungan etnik dan proses politik sesebuah masyarakat majmuk. Menurut beliau, identiti masyarakat sebenarnya dinamik, sentiasa mengalami perubahan, boleh dibentuk ditukar bentuk dan dibentuk semula. Beliau juga mengakui kewujudan 'politik baru' di Malaysia dalam tahun kebelakangan ini berasaskan pelbagai kepentingan yang melampaui batasan kelas dan etnik. Apa yang penting kemunculan politik baru ini mula merungkaikan cengkaman-cengkaman etnik dan mengangkat nasionalisme perkauman yang sempit kepada nasionalisme Malaysia dan nilai lain yang agak sejagat (Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (eds.), (2002).

Rancangan Penjajah (Konsep Pluralisme)

Pluralisme ialah suatu bentuk integrasi yang sering dirujuk sebagai proses 'perpaduan dalam kepelbagaian'. Ia menggalakkan pemeliharaan kepelbagaian kerana pendekatan ini melihat

kepelbagaian sebagai kekuatan bagi sebuah negara yang memilikinya. Pluralisme menggambarkan keadaan di mana pelbagai etnik mengekalkan identiti dan institusi utama masing-masing. Setiap kelompok mengamalkan budaya, bahasa dan agama sendiri. Namun, mereka tetap terikat kepada satu sistem politik yang sama. Mereka juga bertemu dalam konteks institusi utama negara, seperti kehadiran pelbagai etnik dalam bidang politik, sosial dan ekonomi.

Pluralisme menjamin bahawa ada kesinambungan budaya setiap etnik. Pendekatan ini mementingkan kepelbagaian kerana itu adalah sumber kekuatan warisan sebuah negara. Tambahan, hujah pluralisme ialah bahawa setiap etnik mempunyai hak untuk memelihara dan meneruskan tradisi masing-masing. Teori pluralisme mempunyai dua cabang yang utama iaitu pertamanya adalah pluralisme budaya. Ini adalah seperti keterangan di atas di mana semua kelompok etnik mengekalkan identiti masing-masing tetapi pada masa yang sama mereka bergaul rapat di antara satu sama lain. Kedua, pluralisme ubahsuaian yang merupakan satu proses di mana pada asasnya semua kelompok etnik juga turut mengekalkan identiti masing-masing. Namun kerana pergaulan mereka, setiap kelompok telah mengalami perubahan ekoran pengaruh budaya kelompok lain. Justeru, pengamalan budaya asal mereka mungkin terpengaruh dan berubah sedikit. Tetapi perubahan itu tidak mengubah asas amalan budaya tersebut.

Kontak Sosial

Kontak sosial atau satu proses perundingan murni di antara kaum-kaum utama di Tanah Melayu iaitu penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Teras utama Kontak Sosial terdiri daripada dua elemen iaitu pertama, penerimaan orang Melayu terhadap sebilangan besar penduduk bukan Melayu sebagai rakyat 'jus soli' bagi negara yang baru merdeka. Kedua penerimaan penduduk bukan Melayu terhadap pengiktirafan hak istimewa serta kepentingan kaum Melayu dalam negara. Perundingan murni ini telah dipersetujui melalui permuafakatan politik di antara kaum Melayu yang diwakili UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), kaum Cina diwakili oleh MCA (Persatuan Cina Se-Malaya) dan kaum India diwakili oleh MIC (Kongres India Se-Malaya). Di antara kandungan utama Kontak Sosial yang dipersetujui ialah kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan, kewarganegaraan, kedaulatan raja/sultan Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Apa yang penting kontak sosial adalah teras kepada perpaduan di Malaysia sejak merdeka sehingga kini. Banyak halangan dan cabaran yang telah dilalui oleh pelbagai pihak dalam mencapai kata sepakat dan ikatan murni di antara kaum-kaum utama di Tanah Melayu yang mempunyai pandangan dan kepentingan yang berbeza. Walau bagaimanapun, matlamat untuk berkongsi hidup secara harmoni, aman dan makmur di bawah satu payung yang sama, mengatasi segala-galanya. Kontak sosial telah menyediakan rangka kerja bagi interaksi politik, sosial dan ekonomi yang telah dipersetujui bersama oleh semua kaum. Ia telah berjaya mengurangkan kecelaruan persefahaman dalam pertikaian yang melibatkan kepentingan-kepentingan tertentu semasa mencapai status negara berdaulat. Ini penting kerana ia telah membawa rakyat yang berbilang kaum lebih memfokuskan kepada aspek pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih menjamin kestabilan bangsa serta negara.

Faktor-faktor Penguatan Politik Perpaduan

Terdapat pelbagai faktor yang menjurus kepada penguatan perpaduan di Malaysia. Asas-asas penting yang dapat disimpulkan sebagai kejayaan Malaysia di dalam menyatupadukan rakyatnya ialah:

Perkongsian Kuasa Politik

Perkongsian kuasa di antara parti-parti bermula pada Januari 1952. ia dianggotai dua buah parti terbesar di Tanah Melayu iaitu UMNO dan MCA yang dikenali sebagai Perikatan. Perikatan ini dibentuk bagi menghadapi Pilihan Raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952. Mengikut perjanjian, masing-masing tidak akan bertanding di kawasan yang ditentukan untuk parti masing berkenaan iaitu UMNO atau MCA. Perikatan berjaya memperolehi 9 kerusi daripada 13 kerusi yang dipertandingkan. Seterusnya MIC menyertai Perikatan pada tahun 1955 dan berjaya memenangi Pilihan Raya Umum 1955 (*Malaysia Kita*, 2002).

Faktor kejayaan besar Parti Perikatan adalah disebabkan oleh perpaduan dan gabungan tiga kaum yang terbesar di negara ini. Ekoran semangat kerjasama dan perpaduan yang erat ini telah menyebabkan kemerdekaan Tanah Melayu dipercepatkan lagi. Sehingga ke hari ini kerjasama yang erat masih lagi diteruskan walaupun penukaran nama kepada Barisan Nasional. Kejayaan demi kejayaan yang besar dapat dicapai sepanjang lebih 50 tahun kemerdekaan disebabkan konsep integrasi nasional yang dilaungkan oleh kerajaan Malaysia sehingga kini. Wawasan 2020 juga menekankan aspek perpaduan dan kerjasama di antara pelbagai kaum untuk keharmonian dan kesejahteraan negara. Kekuatan dan kejayaan Parti Perikatan ini (Dr Khoo Kay Kim, 2003) adalah menunjukkan politik yang berasaskan sikap perkauman secara tolak ansur lebih senang diterima oleh orang ramai. Oleh sebab itu tidak menjadi perkara pelik sekiranya pemimpin-pemimpin politik sehingga sekarang terpaksa membuat rayuan yang selaras dengan pemikiran orang ramai. Mereka yang cuba mengubah pemikiran orang ramai biasanya akan mengalami kegagalan.

Kerajaan demokrasi

Faktor politik yang lain juga menyumbang kepada kestabilan hubungan etnik di negara ini, iaitu sistem demokrasi dalam kerajaan yang memerintah. Semenjak kemerdekaan pada tahun 1957, negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Ianya telah dapat memudahkan lagi rakyat meluahkan bantahan dan ketidakpuasan etnik dan membuat tuntutan yang tertentu. Ruang dan skop yang disediakan oleh sistem demokrasi kepada ahli-ahli politik dan perwakilan daripada etnik-etnik yang berbeza, pada hakikatnya, telah mengurangkan kekecewaan etnik (Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003).

Perlu diingat bahawa kebebasan yang dimungkinkan oleh demokrasi bukanlah kebebasan tanpa batasan langsung. Seseorang boleh bersuara dan membuat kritikan hanya dalam lingkungan undang-undang yang berfungsi melindungi individu berkenaan. Kebebasan dalam ruang undang-undang ini memandu seseorang itu supaya bertanggungjawab; namun dia berhak bersuara untuk kepentingan diri dan keluarganya. Sekiranya luahan perasaan tersebut tidak diatur dalam cara-cara tertentu, debat demokrasi dan pandangan berbeza boleh berakhir dengan ketegangan dalam emosi perkauman. Di Malaysia hak kebebasan mengeluarkan pendapat

diberikan jaminan bukan sahaja oleh Perlembagaan Persekutuan malah rakyat boleh sama-sama melibatkan diri dalam proses pembentukan undang-undang dan dasar negara oleh kerajaan. Namun begitu, terdapat kebebasan bersuara ke atas tuntutan etnik yang sah, tetapi di waktu yang sama terdapat peraturan dan kawalan melalui undang-undang. Terdapat lima akta terpenting yang berperanan luas dalam membatasi hak rakyat untuk bebas mengeluarkan pendapat di samping mengelakkan berlakunya konflik antara kaum. Lima akta tersebut ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, namun telah dimansuhkan pada 16 September 2011 dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas yang diwartakan pada 22 Jun 2012 atau *The Security Offences (Special Measures) Act 2012* (SOSMA Act 2012), Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. (*Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960*, 1998) Seterusnya keseimbangan inilah yang membolehkan hubungan baik antara etnik menjadi kenyataan.

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi berparlimen atau kerajaan berparlimen (Mahathir Mohammad, 1995) dan Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad (ed.), 2002) yang mengamalkan konsep pengasingan kuasa (Untuk penjelasan lanjut. Lihat K. Ramanathan, 1992). Demokrasi Berparlimen bermaksud sistem pemerintahan negara dan rakyat menerusi konsep perwakilan (*Ensiklopedia GLOBAL* (2001M). Demokrasi Berparlimen yang diterapkan dalam pemerintahan Malaysia adalah ala *Westministe*⁵ England di samping beberapa perubahan sejak negara mencapai kemerdekaan (Abdullah @ Alwi Haji Hassan, 2004). Malaysia adalah merupakan negara jajahan Britan sebelum mencapai kemerdekaan pada 1957M. Oleh sebab itu perlembagaan dan undang-undang negara telah digubal berdasarkan *common law* Inggeris (Rais Yatim, 2000) dengan mengadakan syarat-syarat untuk pengamalan sistem ini. Salah satu syarat sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan, iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif.

Pertumbuhan ekonomi yang baik

Faktor ekonomi juga memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam beberapa dekad kebelakangan ini telah membolehkan jurang perbezaan ekonomi dan juga tuntutan ekonomi antara kaum dapat dikurangkan. Oleh kerana 'kuih ekonomi' semakin bertambah besar, maka ini telah dapat memenuhi kebanyakan aspirasi pelbagai komuniti di negara ini. Di pihak lain, kerajaan telah mampu mengendalikan program-program ekonomi yang berkesan, di mana sebahagian besar komuniti pertanian Melayu telah ditransformasikan kepada komuniti kelas menengah, yang terlibat secara aktif dalam perdagangan, industri dan bidang profesyen yang lain. Transformasi ini nampaknya begitu berjaya di mana ianya berlaku dalam satu generasi sahaja. Di pihak lain, kerajaan terus menggalakan pertumbuhan syarikat swasta melalui pasaran bebas. Syarikat-syarikat yang ada telah berkembang pesat akibat daripada kesan-kesan pelaburan kerajaan dan pengembangan peluang-peluang perniagaan (Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003). Pertumbuhan ekonomi merujuk kepada peningkatan nilai barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh kerajaan. Antara cara yang digunakan untuk menilai dan mengukur

⁵ Parliament dari Sistem Kerajaan Perancis lama dan 'Parlemet' dalam bahasa Latin atau 'Parliamentum', adalah badan perundangan yang berasal dari England dan Ireland. Sebab itu dinamakan *Westminister*.

pertumbuhan ekonomi sesebuah negara seperti peratus peningkatan dalam KDNK, ukuran KDNK per kapita, pekali Gini dan Keluaran Dalam Negara Kasar Hijau (GGDP). Usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam RMK-9 untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan sosioekonomi. (Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof, 2009) Antara fokus utama ialah menangani jurang antara kaum dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran, program penyusunan semula, menggalakkan peluang pekerjaan sama rata dan mewujudkan usahawan yang berdaya saing dalam kalangan generasi baru. Pertumbuhan ekonomi yang baik dapat memberikan kualiti kehidupan yang stabil kepada masyarakat.

Strategi serampang dua mata yang digunakan oleh kerajaan telah dapat memenuhi keperluan dan aspirasi kedua-dua komuniti bumiputera dan bukan bumiputera. Sekiranya tindakan tegas ditekankan dan pasaran bebas diketepikan, maka komuniti bukan bumiputera, khususnya Cina akan kerugian. Begitu juga sekiranya pasaran bebas diberikan keutamaan dan di waktu yang sama tidak ada campurtangan dari kerajaan ke atas komuniti bumiputera, maka orang-orang Melayu akan diketepikan dan kerugian dari segi ekonomi. Dengan demikian, peranan dan kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta dalam pertumbuhan ekonomi adalah untuk menjamin komuniti-komuniti di negara ini dapat bersama-sama menikmati kesejahteraan ekonomi (Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003). Namun begitu, isu agihan antara kaum masih memerlukan waktu yang panjang untuk diselesaikan. Keadaan ini juga memerlukan kerjasama dari kerajaan dan masyarakat pelbagai kaum untuk mengelakkan sebarang konflik yang menjejaskan toleransi antara kaum.

Tolak ansur budaya

Tolak ansur budaya merupakan salah satu asas penting dalam mewujudkan perpaduan antara kaum di negara kita Malaysia. Ianya dapat dilihat dari berbagai aspek. Sebagai contoh, sementara Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan, bahasa-bahasa lain juga secara meluas digunakan di dalam berbagai bidang dalam masyarakat. Begitu juga budaya Melayu nampaknya jelas diamalkan di dalam kehidupan negara ini, iaitu menjadi teras kepada kebudayaan kebangsaan, namun tradisi-tradisi budaya lain masih terus diamalkan oleh komuniti-komuniti berkaitan. Di samping itu perkongsian nilai dan tindakan saling menyertai perayaan antara kaum merapatkan lagi hubungan dan persefahaman. Sesungguhnya, kepelbagaian budaya sebagai hakikat sebenar. Kini ianya merupakan satu kekuatan dalam pembinaan bangsa Malaysia.

Sikap dan nilailah yang mendasari budaya, ekonomi dan politik. Ianya menyumbang kepada pengukuhan ikatan kaum-kaum di negara ini. Sikap yang bersifat akomodatif di kalangan ketua berbagai kaum merupakan faktor penting, khususnya di kalangan pemimpin Melayu. Agama Islam sendiri memainkan peranan penting di dalam mewujudkan sikap toleransi (tolak ansur) dan akomodasi. Ajaran Islam menekankan sifat-sifat kemanusiaan, keadilan dan kesederhanaan telah mempengaruhi sistem nilai orang Melayu, yang begitu peka tentang keperluan dan aspirasi kaum-kaum lain (Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003).

Faktor-faktor Pemecahbelahan

Di Malaysia risiko untuk berlakunya ketegangan antara kaum adalah besar memandangkan kewujudan pelbagai kaum, budaya dan agama. Umumnya terdapat tiga faktor penting yang

menghalang kepada integrasi nasional yang memberi impak yang negatif khususnya kepada pembangunan negara. Faktor-faktor tersebut secara keseluruhannya menyangkut soal nilai dan sikap masyarakat iaitu prasangka, perkauman dan etnosentrisme. Walau bagaimanapun terdapat juga penyebab dan pengukuh penghalang integrasi seperti kejahilan tentang kumpulan-kumpulan etnik lain, proses pemasyarakatan yang terbatas dalam kumpulan etnik sendiri, politik perkauman, perbezaan sosio-ekonomi, perbezaan kebudayaan dan segregasi atau pemisahan fizikal. Faktor-faktor ini sebenarnya berpunca dari era penjajahan British yang menjalankan 'Dasar Pecah dan Perintah'. Keadaan ini berterusan pada zaman penjajahan Jepun antara kaum Melayu dan Cina yang terbabit dalam bidang perniagaan. Sikap Jepun yang anti Cina dan amat berat sebelah terhadap kaum tersebut telah menimbulkan keadaan tidak puas hati dalam kalangan kaum Cina. Kesan daripada perasaan itu tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Berikut merupakan faktor-faktor yang membawa kepada tercetusnya konflik hubungan etnik di Malaysia.

Prasangka

Prasangka merupakan sikap terhadap kumpulan-kumpulan lain yang berasaskan generalisasi-generalisasi umum (stereotaip), atau penjenisan, atas bukti-bukti yang tidak konkrit. Prasangka merupakan tindakan "menyangka dahulu" (*prejudgement*), dan yang menjadi masalah di negara kita ialah prasangka itu biasanya berupa 'sangkaan buruk' terhadap kaum lain. Masalah ini terus wujud kerana sekalipun ada maklumat-maklumat baru yang positif mengenai kumpulan-kumpulan lain, prasangka yang sedia ada sukar diubah (Nazaruddin Hj. Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003). Sikap ini menjadi penghalang kepada hubungan antara etnik dan membawa kepada pergaduhan etnik. Sensitiviti antara kaum perlu dijaga walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Sebagai contoh paling ketara telah berlaku pada tahun 1998 yang menyaksikan ketegangan etno-religious berikutan isu peristiwa Masjid Kampung Rawa-Kuil Raja Mathuraiveeran, Pulau Pinang. Peristiwa ini telah menyebabkan pergaduhan antara penduduk setempat Melayu dan berketurunan India selain mengakibatkan prasangka, syasangka dan fitnah yang boleh menjejaskan keselamatan negara. (*Utusan Malaysia*, 12 Mac 2001)

Perkauman

Ianya merupakan sikap mementingkan kumpulan etnik sendiri. Dalam negara kita, fenomena ini wujud dengan agak jelas dalam bidang ekonomi, politik, sosial atau kebudayaan di mana satu-satu kumpulan etnik mementingkan orang-orang kumpulannya sendiri. Sikap perkauman mudah menghasilkan hubungan yang tegang dan jarak sosial di antara individu-individu atau kelompok-kelompok yang berlainan etnik. Sebagai contoh peristiwa berdarah taman Medan di Petaling Jaya Selatan tercetus pada 8 Mac 2001 telah menjadi pergolakan kaum beberapa hari berikutnya. Keadaan ini menyebabkan hubungan tegang berlaku antara kaum India dan Melayu. (*Malaysiakini*, 29 Januari 2008). Selain itu beberapa insiden yang tiada kaitan secara langsung dengan soal kaum tetapi telah diseret menjadi isu perkauman seperti insiden lima lelaki Melayu yang dibakar dalam sebuah kenderaan di Perak, kes anggota Al-Ma'unah turut melepaskan tembakan di tempat ibadat masyarakat India di Batu Caves, insiden wanita mengandung yang turut terbunuh dalam satu serbuan polis bagi membebaskan mangsa penculikan di Balakong dan insiden seorang datuk bersama cucunya dibunuh di Negeri Sembilan. (*Utusan Malaysia*, 12 Mac 2001)

Etnosentrisme

Ianya merujuk kepada kepercayaan bahawa unsur-unsur budaya sendiri adalah lebih agung (superior) daripada unsur-unsur budaya lain. Kerana ada kepercayaan begini, apa juga unsur-unsur budaya dan manifestasi budaya lain, kalau berbeza daripada yang terdapat dalam budaya sendiri akan dianggap salah, tidak baik dan mungkin membahayakan.

Prasangka, perkauman, etnosentrisme merupakan 'rasa di dalam' yang boleh dizahirkan dalam tindakan-tindakan berat sebelah atau tidak adil terhadap kumpulan-kumpulan lain. Tingkah laku ini mungkin satu realiti, atau semata-mata disalahtanggap atau disalahtafsir oleh sesuatu kelompok sebagai wujud (*perceived discrimination*) kerana mereka merasa termangsa, disisih serta tidak dipedulikan (Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., 2003). Faktor-faktor di atas banyak berlaku dalam tamadun manusia begitu juga pergaduhan, rusuhan dan peperangan kecil dan besar telah menghapuskan dan mewujudkan negara-negara dan empayar-empayar adalah sebahagian daripada kandungan kisah sejarah manusia. Ianya banyak diceritakan oleh Al-Quran dalam beberapa ayat di bawah iaitu:

'Dan (ketahuilah) bahawa semua manusia asalnya tidak lain ialah satu masyarakat, dan kemudian baru mereka berpegang kepada pendapat-pendapat yang bercanggah'.

(surah Yunus:19)

'Dan sesungguhnya umat kamu (para rasul) ini adalah satu umat, kerana Aku adalah tuhan kamu semua: Oleh itu teruslah bertakwa kepadaKu! Tetapi mereka (yang mendakwa mengikut kamu) telah memecah-belahkan perpaduan itu, puak demi puak, tiap puak bergembira dengan apa yang mereka miliki (dari kepercayaan-kepercayaan mereka)'

(surah al-Mu'minuun:52-53)

'Dan (bagi ahli-ahli Kitab dulu), mereka hanya berpecah-belah, kerana saling cemburu, setelah mereka mengetahui (kebenaran)'

(surah Ass-Syuura:14)

'Dialah yang telah menciptakan kamu: dan di antara kamu ada yang mengingkari kebenaran ini, dan di antara kamu ada yang mempercayainya'.

(surah Attaghaabun:2)

'Dan sekiranya Allah telah tidak membolehkan rakyat mempertahankan diri mereka terhadap satu sama lain, nescaya bumi rosak binasa'

(surah al-Baqarah:251)

Penerangan di atas menunjukkan terdapat perbezaan pendapat. Ianya adalah normal dan sah serta perlu diselesaikan melalui kaedah perundingan, tetapi paksaan zalim oleh satu golongan lain tidak sah dan membawa kepada sengketa dan peperangan.

Saranan Dan Penyelesaian Kepada Isu Dan Permasalahan Perpaduan

Masalah perpaduan bangsa dan rakyat telah banyak dan kerap diperbincangkan di negara kita. Khususnya setelah berlakunya rusuhan 13 Mei 1969. Walaupun beberapa tindakan konkrit dan perubahan dasar telah dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah perkauman serta mencapai perpaduan nasional sejak itu, seperti menubuhkan Majlis perundingan Negara untuk membincangkan soal-soal sensitif setelah rusuhan-rusuhan itu, melancarkan satu Dasar Ekonomi Baru, melaksanakan dengan lebih tegas Dasar Bahasa Kebangsaan dalam sistem pelajaran nasional, mewujudkan sebuah ideologi kebangsaan (Rukun Negara), membuat beberapa pindaan perlembagaan untuk memperkukuhkan peruntukan-peruntukan berhubung dengan perkara-perkara sensitif, menubuhkan sebuah Lembaga Perpaduan Negara dan memperluaskan konsep politik kerjasama antara kaum dengan mewujudkan gabungan parti-parti Barisan Nasional, masalah perkauman masih besar dan perpaduan bangsa dan rakyat kini menjadi terancam lagi (Ahmad Fawzi Basri Prof. Madya, Abdul Halim Ahmad, et. al., 1987).

Menurut Erich Fromm, masyarakat yang sihat adalah masyarakat yang sentiasa mengembangkan cinta dan kasih sayang antara satu sama lain. Manakala masyarakat yang sakit akan menyebabkan permusuhan, kecurigaan dan tidak mempercayai antara satu sama lain. Perpecahan yang berlaku dalam masyarakat berpunca dari kegagalan rakyat negara-negara itu mencari asas-asas perpaduan dan persefahaman di kalangan mereka. Apa yang penting usaha-usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak terutama daripada kerajaan seperti pengenalan Rukun Negara. Di dalamnya menyebut mengenai beberapa ciri penting bangsa Malaysia yang akan dibangunkan itu. Sifat-sifat itu ialah:

1. Membina rakyat yang bersatupadu dan sanggup memberikan taat setia yang paling tinggi kepada negara ini.
2. Membina rakyat yang demokratik, iaitu bukan sahaja kuasa berada di tangan rakyat, tetapi juga menjamin hak-hak asasi dan kebebasan rakyat untuk berpolitik sejajar dengan undang-undang negara.
3. Membina masyarakat adil yang menjamin persamaan peluang untuk menikmati kemakmuran negara serta pengagihan kekayaan yang adil dan saksama.
4. Membina masyarakat liberal, iaitu menjadikan kepelbagaian dan perbezaan dalam masyarakat ini sumber kekuatan dan kemajuan.
5. Masyarakat yang progresif iaitu yang dapat memperseimbangkan di antara kemajuan sains dan teknologi dengan perkembangan nilai-nilai rohaniah.

Kesemua ciri-ciri masyarakat ini seharusnya menjadi pedoman, pegangan dan matlamat kepada segala rancangan untuk pembinaan bangsa dan negara. Langkah dan cara yang berkesan untuk memerangi perasaan perkauman ini ialah melalui pelajaran dan pendidikan. Pendidikan juga patut menekankan sifat-sifat persamaan yang ada di kalangan rakyat berbilang kaum. Apa yang lebih penting ialah menekankan pemupukan nilai-nilai bersama seperti hormat-menghormati, cintakan tanahair inginkan persahabatan, keamanan dan keadilan (Ahmad Fawzi Basri Prof. Madya, Abdul Halim Ahmad, et. al., 1987).

Pucuk pimpinan tertinggi mengakui tentang persoalan dan permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu perkauman ini, masalah ini adalah satu masalah nasional yang besar dan berat. Semua golongan bermula daripada individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya kerajaan memberi perhatian yang serius kepada masalah ini. Tidak dapat dinafikan wujudnya jurang perbezaan

dalam masyarakat manusia pada permulaan tamadun manusia dan ianya tidak dapat dielakan lagi, termasuk masyarakat yang ditubuhkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Perbezaan-perbezaan ini khususnya pendapat boleh membawa kepada persengketaan, perpecahan dan juga kebaikan. Persengketaan dan perpecahan ini boleh dan harus dibataskan dan dikawal untuk memulihkan perpaduan (walaupun relatif) dan mewujudkan keamanan, ketenteraman, keadilan dan kebahagiaan dalam masyarakat (Ahmad Fawzi Basri Prof. Madya, Abdul Halim Ahmad, et. al., 1987).

Kesimpulan

Ringkasnya hubungan etnik di Malaysia wajar dimantapkan dari semasa ke semasa untuk mencapai satu tahap integrasi sosial yang lebih bersepadu. Apa yang penting semangat cintakan negara perlu disemai ke dalam jiwa masyarakat kita semenjak kecil lagi bagi mewujudkan jalinan integrasi yang utuh dan murni dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kaya dengan pelbagai kebudayaan dan keagamaan. Masa depan negara kita sememangnya ditentukan oleh perpaduan rakyat berbilang kaum, dan bukannya oleh kuasa asing. Setiap kaum mempunyai peranan masing-masing untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu. Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk memperbaiki hubungan etnik di Malaysia seperti pengenalan kepada Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020 untuk mengurangkan perbezaan dan konflik sesama kita. Aspek modal insan perlulah diberi penekanan secara menyeluruh bagi mewujudkan sebuah negara yang didiami masyarakat berintegrasi yang bersepadu dengan melihat segala perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia sekarang.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur`an al-Karim

Buku

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pntys.), 1998, Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Abdullah @ Alwi Haji Hassan, 2004, "Sistem Pentadbiran Dalam Sesebuah Negara Islam," *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad (ed.), Kuala Lumpur: IKIM.

Abdul Aziz Bari, 2002, *Majlis Raja-Raja Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Fawzi Basri Prof. Madya, Abdul Halim Ahmad, et. al., 1987, *Isu-isu Perpaduan Nasiona: Cabaran, Pencapaian dan Masa Depan*, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia..

Al-Nahwy, `Adnan `Ali Ridha, 1990, *Syura Bukan Demokrasi*. Mustafa dan Usman Husen (Pentj.), Kuala Lumpur: Media Ehsan.

Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan. (eds.), 1997, *Kenegaraan Malaysia*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Ensiklopedia GLOBAL, 2001, j. 19. Kuala Lumpur: Smart Genie Copration SDN. BHD.

Erich Fromm, (2006), *The Art of Loving*, New York: HarperCollins Publishers.

Mahathir Mohammad, 1995, *The Malaysian System of Government*. Kuala Lumpur: Utusan Print Corp.

Mahatir Mohamad, 2003, *Politik, Demokrasi dan Asia Baru; Ucapan Pilihan Dr. Mahatir Mohamad*. Hashim Makaruddin (ed.), Mohktar Ahmad (Pentj.), Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN BHD.

K. Ramanathan 1992, *Asas Sains Politik*, Shah Alam: Fajar Bakti.

Malaysia Kita, 2002, c. 3, Kuala Lumpur: International Law Book Services (ILBS).

Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (eds.), 2002, *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan.Et al, 2003.*Pengajian Malaysia Kenegaraan dan kewarganegaraan*. Edisi dua. Selangor: Prentice Hall.

Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof, 2009, *Ekonomi Malaysia ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Penerbit UKM

Ongkili, James P., *Nation-Building in Malaysia, 1946-1974*, 1985, Oxford: Oxford University Press.

Rais Yatim, 2000, "Globalisasi dan Perubahan Undang-undang," *Jurnal Pemikir*, Oktober dan Disember 2002.

Robert Dhal, 1989, *Democracy and Its Critics*. London: Yale University Press.

Syed Ahmad Hussein, 1994, *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaid Ahmad. et al., 2006. *Hubungan Etnik Di Malaysia* , Selangor: Oxford Fajar Sd. Bhd.

Bab Dalam Buku

Geogre Sorensen, 1993, "Democracy and Democratization: Proseses and Prospects in a Changing World". Boulder: Westview Press, h. 10-11 dalam Mahmood Monshipouri, (1998M), *Islamism, Secularism, Reform and Human Rights: Concept and Theoretical Approaches*. London: Lynne Rienner Publishers Inc.

Kho Kay Kim, Dr. 2003, *Kaum, Bangsa dan Agama Dalam Peradaban Malaysia* dalam *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia (kumpulan Kertas kerja)* diselenggara oleh A.Aziz Deraman dan Rohani Zainal Abidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.

Jurnal

Mohd Aizuddin Mohd Sani, 2002, *Hak Kebebasan Mengeluarkan Pendapat dari Perspektif Malaysia*, Jurnal Pembangunan Sosial, Jil. 4 dan 5, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Akhbar

Utusan Malaysia, 12 Mac 2001

Internet

Mengenang Peristiwa Berdarah taman Medan, 29 Januari 2008
<https://www.malaysiakini.com/opinions/47989> diakses pada 8 Jun 2016.